



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN RANGKA GERAKAN LIBATKAN ORANG RAMAI BANTERAS KETIRISAN BARANG KAWALAN BERSUBSIDI DI SABAH DAN SARAWAK

KINABATANGAN, 28 JULAI 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang merangka satu gerakan massa untuk melibatkan orang ramai dalam memerangi penyelewengan barang kawalan bersubsidi di Sabah dan Sarawak. Keutamaan akan diberikan kepada barang kawalan bersubsidi bahan api diesel dan RON95.

Selain memastikan subsidi ini dimanfaatkan oleh rakyat khususnya golongan sasar, gerakan ini dilaksanakan susulan daripada keputusan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel secara berperingkat bermula dengan Semenanjung Malaysia. Keputusan pengecualian Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam penyasaran subsidi diesel pada masa ini dibuat mengambil kira pelbagai faktor.

Antara faktor utama pengecualian dibuat pada masa ini ialah:

1. Kebergantungan tinggi para pengguna khususnya di Sabah dan Sarawak kepada penggunaan kenderaan bahan api diesel disebabkan faktor keperluan mengambil kira faktor geografi dan taraf jalan perhubungan darat dan air;
2. Pertimbangan risiko kesan rantaian (*chain effect*) mengambil kira kadar harga barangan dan perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan Labuan yang sememangnya lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia;
3. Tahap kesediaan dan akses maklumat pengguna bahan api diesel di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk pemprofilan (*profiling*) penyasaran subsidi diesel bagi pengguna individu, agri komoditi dan sektor pengangkutan awam serta barangan.

Atas faktor-faktor tersebut, Kerajaan memutuskan untuk meneruskan kaedah sedia ada penyaluran subsidi pukat diesel di peringkat runcit bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dianggarkan subsidi bahan api diesel bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2024 ialah mencecah RM3.6 bilion.

Kerajaan tidak pernah menafikan isu ketirisan yang meliputi penyelewengan dan penyeludupan bahan api diesel juga berlaku di Sabah, Sarawak dan Labuan. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengarahkan semua agensi penguatkuasaan berkaitan termasuk KPDN, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) untuk memperkasa strategi dan pendekatan bagi meningkatkan keberkesanan mekanisme penguatkuasaan.

Di peringkat KPDN, satu gerakan massa yang melibatkan orang ramai sedang dirangka untuk membantu penguatkuasaan dalam memerangi ketirisan subsidi melalui pemantauan dan penyaluran maklumat. Penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan bersubsidi bukan sahaja satu kesalahan di sisi undang-undang, malah penafian hak subsidi rakyat. Perbuatan memperdagangkan bantuan subsidi secara haram dan bertentangan dengan undang-undang merupakan sabotaj ekonomi negara dan agenda kerajaan dalam penyaluran bantuan sosial kepada golongan yang memerlukan.

KPDN menyeru semua pihak termasuk orang ramai terus menjadi mata telinga Kerajaan dalam menyalurkan sebarang bentuk penyelewengan dan penyeludupan agar aktiviti yang merugikan negara dan rakyat ini dapat dibanteras.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap dan tepat kepada pihak Kementerian.

KPDN memberikan jaminan akan bertindak segera terhadap setiap aduan. Antara platform aduan yang disediakan adalah seperti berikut:

- i. WhatsApp 019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###